

Kisah *Upin Ipin* di Lautan Hindi

Perspektif

Oleh DR. SHAHRUL NAZMI SANNUSI

shahrulnazmi@um.edu.my
 Penasihat Kanan, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia



“**H**AI Mas *Upin Ipin*,” sapaan pelik daripada sekumpulan kanak-kanak yang tinggal di Kepulauan Mentawai di Lautan Hindi ini ketika bersalaman dengan penulis.

Semuanya gara-gara bahasa dan loghat Malaysia yang dituturkan sinonim dengan program animasi popular *Upin dan Ipin* yang digilai kalangan kanak-kanak negara itu.

Walaupun masyarakat pulau itu tidak semuanya memiliki set televisyen dan bekalan elektrik, program *Upin dan Ipin* versi Bahasa Malaysia ditonton hampir semua kanak-kanak di kepulauan terpencil ini menggunakan rakaman dalam cakera padat atau pemacu cakera keras.

Perkhidmatan selular di sini juga sangat terhad kepada 2G di seluruh pulau, sekali gus menjadikan penggunaan aplikasi media sosial seperti Facebook dan YouTube hampir mustahil.

Program animasi yang ditayangkan di negara itu menggunakan Bahasa Malaysia sepenuhnya, selain memiliki ruangan alih bahasa Indonesia.

Eksplorasi penulis pada kali ini pula menuju ke sebuah pulau terpencil terletak di wilayah Sumatera Barat yang diberi nama Kepulauan Mentawai.

Tarikan pelancong

Namanya mungkin asing dari kaca mata masyarakat negara



KEADAAN dalam rumah masyarakat di kepulauan Mentawai masih mengamalkan hidup primitif.

ini berbanding kota besar lain di Sumatera seperti Padang, Medan Aceh dan Palembang.

Namun, di mata penggemar sukan luncur air, sukan laut serta eksplorasi kehidupan masyarakat pedalaman, Kepulauan Mentawai menjadi antara nama terkenal dan mempunyai pengikutnya sendiri.

Hanya terdapat dua cara melalui jalan laut untuk ke pulau ini.

Feri pantas atau Mentawai Fast boleh tiba di pulau ini dalam masa tiga jam perjalanan dengan kos sekitar RM90.

Jika ingin yang lebih murah, boleh memilih feri Ambo-Ambo yang lebih perlahan dengan memakan masa sekitar 10 jam untuk sampai ke pulau Siberut.

Kedua-dua perkhidmatan feri ini berpangkalan di kota Padang.

Terletak kira-kira 250 kilometer dari kota Padang, Kepulauan Mentawai terbahagi kepada tiga gugusan kepulauan iaitu Siberut,

Sipora, Pagai Utara dan Pagai Selatan.

Bagi penggemar sukan laut, kepulauan Mentawai memiliki ciri-ciri ombak yang tinggi dan beralun, sesuai untuk penggemar sukan luncur air dan juga perahu layar.

Keistimewaan itu juga menjadikan pulau tersebut sering menjadi tarikan dalam kalangan pelancong asing khususnya dari rantau Eropah.

Bagi penggemar eksplorasi hutan, pulau ini terkenal dengan kehidupan bapak sikerei iaitu ketua bagi masyarakat asli yang tinggal di kawasan pedalaman.

Mereka tinggal di rumah unik dikenali sebagai ‘uma’ yang dibina daripada pokok sagu serta masih mengamalkan hidup primitif dan banyak bergantung kepada hutan.

Untuk ke pedalaman, penulis perlu menaiki bot pancung dan menelusuri sungai hampir lebih dua jam untuk sampai ke

KEBANYAKAN masyarakat pedalaman masih mempercayai kuasa ghaib boleh merawat penyakit berbanding perubatan moden.



penempatan terpencil ini.

Kesempatan penulis untuk tinggal bersama keluarga sikerei ini juga membayangkan tentang bagaimana kehidupan nenek moyang kita yang terasing daripada hiruk-pikuk kota dan ledakan arus teknologi.

Berhijrah

Kehidupan harian mereka lebih bertumpu kepada menternak babi dan mencari sagu dalam hutan.

Makanan ruji mereka pula adalah sagu yang dibakar dalam buluh.

Penulis juga berkesempatan mengikuti salah seorang bapak sikerei pergi memburu burung menggunakan panah beracun dan menangkap udang galah yang banyak terdapat dalam sungai sekitar ‘uma’ mereka.

Sikerei bermaksud tabib dianggap sebagai ketua suku yang biasanya menjadi rujukan kalangan masyarakat tempatan sekiranya mengidap sebarang penyakit.

Kebanyakan masyarakat pedalaman di sini masih mempercayai akan kuasa ghaib boleh merawat sesuatu penyakit yang dihadapi berbanding perubatan moden.

Sikerei juga akan menggunakan perubatan tradisional seperti daun atau akar pokok untuk dijadikan ubat.

Kini, disebabkan tempas pembangunan yang melanda pulau itu, golongan sikerei yang tinggal dalam hutan tebal kini semakin

berkurang kerana tidak ramai generasi muda kini sanggup mewarisi legasi orang tua mereka.

Ramai kalangan anak muda yang tamat sekolah mula berhijrah ke kota Padang untuk mencari peluang pekerjaan.

Malah, telah banyak ‘uma’ peninggalan generasi terdahulu terpaksa dirobohkan akibat dimamah usia atau rosak dilanda gempa bumi yang kerap berlaku di kepulauan ini.

Yang tinggal kini hanyalah sisa generasi tua yang tinggal di ‘uma’ yang semakin usang menanti masa untuk lenyap ditelan zaman.



RUMAH unik atau dipanggil sebagai ‘uma’ ini dibina daripada pokok sagu.



GOLONGAN sikerei yang tinggal di dalam hutan tebal semakin berkurangan disebabkan tempas pembangunan.